

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 30 November 2020 2:28 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Press Terima Anugerah Buku PNM 2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 NOVEMBER 2020 / 14 RABIULAKHIR 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohammad Amzari Bakri
Gambar oleh: UUM Press

UUM PRESS TERIMA ANUGERAH BUKU PNM 2020



UUM ONLINE: Buku Kumpulan Cerpen Kanak-kanak: Umi, Maafkan Adik terbitan UUM Press telah menerima Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2020 bagi Kategori Buku Kanak-kanak Bahasa Melayu.

Kejayaan ini membolehkan UUM Press menerima wang tunai sebanyak RM3,500, manakala penulis, Wadiassofi Jaafar menerima RM3,500 di samping trofi dan sijil.

Anugerah PNM 2020 disertai 364 penyertaan daripada penerbit Malaysia dan penulis bagi tiga kategori iaitu Anugerah Buku PNM 2020: Buku Kanak-kanak; Buku Dewasa dan Buku Pilihan Pembaca. Setiap kategori terbuka kepada buku Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

Sebanyak 11 judul buku merangkumi 22 pemenang terdiri daripada penulis dan penerbit telah diangkat sebagai pemenang pada Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia 2020 ini.

Penilaian buku bagi anugerah adalah berdasarkan tiga ciri utama iaitu kandungan buku, persembahan buku dan kualiti pembaca.

Kandungan buku meliputi aspek integriti buku, keseimbangan estetika bahasa, keterbacaan cerita, inovasi dalam kategori serta nilai yang dibawa turut menilai organisasi buku.

Persembahan bahasa, visual serta keseluruhan buku mengambil kira kualiti persembahan buku, penyuntingan, produksi, topografi, reproduksi, percetakan, reka letak, format kulit buku dan keterangan buku.

Anugerah yang berlangsung secara maya pagi tadi telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Sri Nancy Shukri dan hadiah disampaikan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Maizan Ismail.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.